

Pemberian dan Penerimaan Hadiah Bisnes

Suatu “hadiah bisnes” adalah sebarang apa yang mempunyai nilai yang diberi atau diterima akibat dari suatu perhubungan bisnes dan untuk mana penerima tidak membayar nilai pasaran yang adil. Hadiah ini mungkin dalam sebarang bentuk. Sebagai contoh: makanan, teater atau tiket untuk pertunjukan sukan, diskaun atau perjalanan pelancungan yang “siap dibayar penuh”, item-item promosi dan yuran golf (green fees) — untuk menamakan beberapa contoh — kesemuanya boleh dianggap sebagai hadiah bisnes.

Di setiap kawasan di seluruh dunia dimana UTC berniaga terdapat adat resam yang diterima secara am berkenaan dengan pertukaran hadiah bisnes — dengan mengira kedua-dua jenis dan nilai hadiah tersebut dan dengan mengambil kira cara atau protokol pertukaran tersebut.

Polisi UTC secara am mengizinkan pemberian (dan penerimaan) hadiah bisnes yang merupakan aksi budi bicara dari segi adat resam bisnes dan menasabah dari segi nilai dan kekerapan. Ini merupakan standard yang fleksibel dan bertujuan untuk bersesuaian dengan lingkungan keadaan di seluruh dunia: walaubagaimanapun, konsep-konsep yang menjadi dasar standard (“mengikut adat resam”, “aksi budi bicara”, “nilai yang menasabah”, dan “kekerapan yang menasabah”) mesti diambil kira dengan objektif standard. Setiap daripada konsep ini yang berkuatkuasa mempunyai penghadannya — hadiah bisnes patut merupakan tanda penghormatan yang tidak terlalu kerap.

Hadiah bisnes tidak dibenarkan secara langsung sekiranya:

- dilarang oleh undang-undang atau peraturan;
- dilarang oleh polisi UTC yang lebih keras yang berkaitan dengan perhubungan bisnes dengan kakitangan Kerajaan A. S. (sila lihat Kenyataan Polisi atas Etika Bisnes dan Tingkahlaku dalam Pengkontrakan dengan Kerajaan Amerika Syarikat) atau berkaitan dengan kakitangan UTC dalam pembelian atau fungsi yang berkaitan;
- dilarang oleh polisi majikan yang bakal penerima yang diketahui;
atau
- bertujuan untuk mempengaruhi penerima secara tidak betul, atau akan memberi gambaran mempengaruhi penerima secara tidak betul.

Hadiah-hadiah bisnes yang seseorang pekerja UTC ingin memberi mesti dilaporkan kepada penyeliaanya, samada pembayaran balik dari UTC diingini atau tidak. Sekiranya kos hadiah tersebut boleh dibayar balik oleh UTC, kos penuh hadiah tersebut mesti dikenalpasti dalam laporan perbelanjaan pekerja tersebut, bersama-sama dengan nama dan hubungan bisnes dengan penerima. Penyelia-penyelia mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pematuhan yang tegas kepada polisi-polisi UTC mengenai hadiah-hadiah bisnes.

Hadiah-hadiah bisnes yang diterima oleh pekerja UTC mesti dilaporkan kepada penyelia pekerja tersebut, kecuali:

- makanan dan minuman yang digunakan di majlis bisnes;
 - peraian (cnth., pertunjukan sukan atau teater yang mempunyai nilai kurang dari \$100) semasa pekerja UTC berada dalam status dalam perjalanan;
- atau
- hadiah bisnes yang mempunyai nilai runcit \$50 atau kurang.

Untuk maksud pengukuran nilai, had \$50 akan dikenakan kepada setiap orang secara berasingan, tetapi nilai suatu majlis akan dijumlahkan untuk setiap orang. Sebagai contoh, makan malam dengan minuman keras yang bercampur ('cocktail dinner') dan teater pada petang yang sama akan dikira sebagai satu majlis.

UTC menganggap hadiah kepada suami-isteri atau ahli keluarga sebagai hadiah bisnes sekiranya dimotivasi oleh, atau berkaitan dengan, suatu perhubungan bisnes. Hadiah-hadiah seperti ini adalah subjek kepada polisi UTC dengan cara yang sama dengan hadiah-hadiah bisnes yang lain. Ini bersangkutan dengan kedua-dua pemberian dan penerimaan hadiah-hadiah bisnes.

Berasingan dengan pembatasan ini, penghadan tambahan dikenakan keatas semua pekerja yang mempunyai tanggungjawab pembelian terus. Ini termasuk semua pekerja dalam pejabat pembelian dan yang lain, sekiranya dilantik oleh unit bisnes sepertimana pekerja yang terlibat dapat dikenalpasti secara langsung. Perlantikan tambahan termasuk, sebagai contoh, pekerja yang merupakan wakil penjamin kualiti untuk pembekal, pekerja yang bertanggungjawab untuk pemilihan sumber, atau pekerja yang diberikuasa untuk membuat pembelian terus dari pembekal-pembekal. Pekerja seperti ini hanya boleh menerima (a) minuman, snek ringan dan makanan bisnes yang dihidang semasa perjumpaan bisnes yang diadakan di fasiliti kontraktor tambahan, vendor, atau pembekal, (b) makanan bisnes semasa dalam status dalam perjalanan, (c) item promosi atau pengiklanan yang mempunyai nilai nominal yang benar, seperti topi atau buku kertas tulis, dan (d) sebarang hadiah lain, peraian atau gratuiti yang lain sekiranya dilaporkan kepada dan diluluskan secara bertulis oleh Pegawai Amalan Perniagaan/Kepatuhan atau Naib Presiden, Amalan Perniagaan, UTC.

Panduan berhubung dengan polisi ini boleh didapati dari unit operasi atau Pegawai Amalan Perniagaan/Kepatuhan atau Naib Presiden, Amalan Perniagaan, UTC.

Kewajaran suatu hadiah bisnes bergantung sebahagiannya kepada keadaan masa tersebut. Secara am, masalah tidak patut timbul berkenaan dengan makanan dan minuman yang digunakan semasa suatu majlis bisnes, dan masalah tidak patut timbul dengan hadiah yang tidak diminta dengan niat promosi. Seperti pen, kalendar, dan yang lain sepertinya, yang mempunyai logo syarikat atau sebagai unsur pengiklanan. Sebagai peraturan am, hadiah-hadiah bisnes yang mempunyai jumlah nilai runcit ASS50 atau kurang tidak akan dibantah dan tidak perlu dilaporkan kepada pihak penyelia. Pada ekstrim yang satu lagi, hadiah bisnes biasanya tidak patut melebihi nilai runcit sebanyak \$100, walaupun memang diketahui bahawa situasi mungkin timbul dimana hadiah yang lebih mahal mungkin lebih sesuai. Walaubagaimanapun, kos dan keadaan masa hadiah bisnes mesti selalu bersamaan dengan keadaan masa tersebut (cnth., amalan atau adat resam yang diterima, dan perhubungan bisnes dan posisi penerima).

UTC menganggap bahawa hadiah-hadiah bisnes yang diterima adalah untuk faedah Syarikat. Pegawai Amalan Perniagaan/Kepatuhan (“PAP”) yang berkaitan akan menentukan disposisi yang sesuai untuk hadiah bisnes yang diterima, yang mempunyai nilai yang lebih dari \$50 (selain daripada makanan/minuman yang telah diguna, peraian, bunga atau sepertinya).

PAP akan mengambilkira kepraktikan untuk membenarkan hadiah tersebut disimpan dalam kawasan kerja pekerja yang merupakan penerima. Dalam kes-kes yang tertentu, PAP mungkin membuat kesimpulan bahawa hadiah tersebut patut dipulangkan. Dalam kes-kes yang lain, PAP mungkin mendermakan hadiah tersebut kepada organisasi jenis dermawan atau perkhidmatan komuniti.

Perhubungan bisnes dengan agensi-agensi kerajaan A.S., dan jabatan-jabatan dan Kongres dikawal secara ketat oleh undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu. Polisi UTC menghalang sebarang penawaran atau pemberian kepada pekerja kerajaan selain daripada jika ianya dibenarkan secara jelas oleh peraturan-peraturan kerajaan dan melarang tanpa bersyarat sebarang pemberian kepada pekerja kerajaan dalam fungsi perwakilan. Suatu bayaran, hadiah atau barang lain yang bernilai dari kontraktor-kontraktor tambahan, vendor, atau pembekal kepada kontraktor kerajaan pada kedudukan yang lebih tinggi, apabila diberi dengan tujuan untuk mendapati secara tidak betul atau memberi ganjaran sebagai perlakuan kesayangan (suatu “tendang-balik”), adalah kesalahan kriminal. Soalan-soalan patut dirujuk kepada PAP anda atau kounsel undang-undang entiti anda.

